



CUKAI JUALAN 2018

PANDUAN UMUM

Diterbitkan oleh:

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Cukai Dalam Negeri
Putrajaya**

18 Januari 2019

Penerbitan

Tarikh: 18 Januari 2018.

Panduan Umum Cukai Jualan pada 26 November 2018 ditarik balik dan digantikan dengan Panduan Umum Cukai Jualan yang dikemaskini pada 18 Januari 2018.

Notis Hak Cipta

Hak Cipta 2018 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah perundangan Cukai Jualan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
Panduan Umum.....	1
Perundangan	1
SKOP CUKAI JUALAN	2
Pengenaan Cukai Jualan.....	2
Kadar Cukai Jualan	2
Nilai Jualan	3
Barang Bercukai	3
Nilai Ambang (Perolehan Jualan Tahunan)	4
Cukai Jualan Yang Genap Masa	4
PENDAFTARAN	4
Tanggungan Untuk Berdaftar.....	4
Permohonan Pendaftaran.....	6
Pendaftaran Lewat	8
Pendaftaran Secara Atas Talian	8
Pendaftaran Sukarela.....	8
Pendaftaran Perkongsian	8
Pembatalan Pendaftaran.....	9
Pengecualian Pendaftaran	9
PERAKAUNAN BAGI CUKAI JUALAN	10
Tempoh Bercukai.....	10
Invois.....	11
Pengeluaran Invois Oleh Komputer	12

Nota Kredit dan Nota Debit.....	13
KEWAJIPAN MENYIMPAN REKOD	14
PENGEMUKAAN PENYATA DAN PEMBAYARAN CUKAI JUALAN	15
Penyata Cukai Jualan.....	15
Tarikh Akhir Mengemukakan Penyata Cukai Jualan	16
Pembetulan Kesilapan	16
Penyata Terakhir Cukai Jualan.....	16
Kesalahan Bagi Penyata Lewat Hantar.....	17
Pembayaran Cukai Jualan Yang Genap Masa Dan Kena Dibayar	17
Cara Pembayaran	17
Masa Pembayaran	18
Kesalahan Bagi Cukai Lewat Bayar	18
Penalti Bagi Cukai Lewat Bayar	18
Kuasa Menaksir	20
TUNTUTAN CUKAI JUALAN. dsb.....	20
Tuntutan Cukai Jualan, Surcaj, Penalti, Fi Atau Lain-Lain Wang Sebagai Hutang Sivil.....	20
Pemungutan Cukai Jualan, Surcaj, Penalti, Fi Atau Lain-Lain Wang Daripada Orang yang Terhutang Kepada Orang Kena Cukai	21
Tuntutan Cukai Jualan, Surcaj, Penalti, Fi Atau Lain-Lain Wang Daripada Orang Yang Hendak Meninggalkan Malaysia	21
Bayaran Secara Ansuran.....	22
Tanggungan Pengarah.....	22
KEMUDAHAN DI BAWAH AKTA CUKAI JUALAN 2018.....	23
Pengecualian Di Bawah Seksyen 35.....	23

Pengecualian Melalui Perintah	23
Pengecualian Khusus	23
Pengecualian Di Bawah Jadual A, Perintah Cukai Jualan (Barang Yang Dikecualikan Daripada Cukai) 2018	24
Pengecualian Di Bawah Jadual A, B dan C, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018..	24
PEMBAYARAN BALIK, PULANG BALIK DAN REMISI	25
Tuntutan Pembayaran Balik Cukai Jualan Berhubung Dengan Hutang Lapuk	25
Pembayaran Cukai Jualan, Surcaj, Penalti, Fi Atau Lain-Lain Wang Terkurang Bayar atau Dibayar Balik Secara Silap	28
Pembayaran Balik Cukai Jualan, Surcaj, Penalti, Fi Atau Lain-Lain Wang Yang Terlebih Bayar atau Dibayar Secara Silap	29
Pulang Balik Cukai Jualan	30
Kelayakan Untuk Pulang Balik	30
Peremitan oleh Menteri Kewangan	32
Peremitan oleh Ketua Pengarah	32
Pembayaran balik oleh Menteri Kewangan dan Ketua Pengarah	33
KETETAPAN CUKAI JUALAN	33
Ketetapan Umum	33
PERUNTUKAN KHAS YANG BERHUBUNGAN KAWASAN DITETAPKAN	35
Tafsiran	35
Permohonan Pulang Balik	37
PERUNTUKAN KHAS YANG BERHUBUNGAN KAWASAN KHAS	37
Permohonan Pulang Balik	39
KAJIAN SEMULA DAN RAYUAN	39

PERATURAN PERALIHAN.....	40
Pemansuhan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) 2014	40
Pendaftaran Semasa Tempoh Peralihan	40
Pendaftaran Automatik	41
Mengemukakan Penyata/ Pengisytiharan Untuk Tempoh Bercukai Yang Terakhir, Pembayaran CBP, Tuntutan Cukai Input Dan Bayaran Balik	41
Semakan Dan Rayuan Yang Belum Selesai.....	42
Ejen Cukai CBP	43
Invois.....	43
PERTANYAAN	44
BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST	44

PENGENALAN

Panduan Umum

1. Panduan Umum Cukai Jualan adalah sebahagian daripada siri bahan pendidikan yang disediakan untuk membantu perniagaan dalam pelaksanaan cukai jualan di Malaysia.

Perundangan

2. Perundangan berkaitan pelaksanaan cukai jualan adalah seperti berikut:
- (i) Akta Cukai Jualan 2018
 - (ii) Peraturan-Peraturan Cukai Jualan 2018
 - (iii) Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Ketetapan Kastam) 2018
 - (iv) Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Penentuan Nilai Jualan Barang Bercukai) 2018
 - (v) Penetapan Tarikh Permulaan Kuat Kuasa
 - (vi) Perintah Cukai Jualan (Pengenaaan Cukai Jualan Berkenaan Dengan Kawasan Ditetapkan) 2018
 - (vii) Perintah Cukai Jualan (Pengenaaan Cukai Jualan Berkenaan Dengan Kawasan Khas) 2018
 - (viii) Perintah Cukai Jualan (Pengecualian Daripada Pendaftaran) 2018
 - (ix) Perintah Cukai Jualan (Jumlah Nilai Jualan Barang Bercukai) 2018
 - (x) Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018
 - (xi) Perintah Cukai Jualan (Barang Yang Dikecualikan Daripada Cukai) 2018
 - (xii) Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Pengkompaunan Kesalahan) 2018

(xiii)Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) 2018

SKOP CUKAI JUALAN

3. Akta Cukai Jualan 2018 terpakai di seluruh Malaysia, tidak termasuk Kawasan Ditetapkan dan Kawasan Khas. Cukai jualan adalah cukai seperingkat yang dikenakan dan dilevikan ke atas semua barang bercukai yang dikilangkan atau diimport ke dalam Malaysia.

Pengenaan Cukai Jualan

4. Di bawah seksyen 8, cukai jualan dikenakan dan dilevikan ke atas semua barang bercukai:

- (i) Yang dikilangkan di Malaysia oleh pengilang berdaftar dan dijual, digunakan atau dilupuskan olehnya; atau
- (ii) Yang diimport ke Malaysia oleh mana-mana orang.

5. Cukai jualan hendaklah dilevikan dan kena dibayar ke atas apa-apa pengimportan barang bercukai ke Malaysia seolah-olah ia suatu duti kastam atau duti eksais dan seolah-olah pengimportan barang bercukai tersebut adalah berduti dan boleh dikenakan duti kastam atau duti eksais.

Kadar Cukai Jualan

6. Cukai jualan adalah cukai ***ad valorem*** dan kadar yang berbeza dikenakan mengikut kumpulan barang bercukai. Cukai jualan bagi petroleum dikenakan pada **kadar tertentu** yang berbeza daripada barang bercukai yang lain.

7. Seksyen 10 Akta Cukai Jualan 2018 memberi Menteri kuasa untuk menetapkan pelbagai kadar cukai jualan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai) 2018 yang dikenakan ke atas barang-barang bercukai yang tidak dikecualikan oleh Menteri Kewangan menerusi Perintah Cukai Jualan (Barang Yang Dikecualikan Daripada Cukai) 2018 yang berkuat kuasa pada 1 September 2018.

Nilai Jualan

8. Dalam hal barang bercukai

- (i) Yang dijual oleh orang kena cukai; atau
- (ii) Yang dikilangkan oleh orang kena cukai; dan
 - (a) Digunakan olehnya selain sebagai bahan bagi mengilang barang bercukai; atau
 - (b) Dilupuskan olehnya selain dengan cara jualan,

nilai jualan barang bercukai itu hendaklah ditentukan mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Cukai Jualan 2018. Kaedah-kaedah penentuan nilai jualan barang bercukai dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Penentuan Nilai Barang Bercukai) 2018.

9. Secara amnya, nilai jualan barang bercukai hendaklah ditentukan berdasarkan nilai urusanniaga barang bercukai itu iaitu harga barang bercukai itu sebenarnya dijual oleh pengilang berdaftar kepada pembeli.

10. Dalam hal barang bercukai yang diimport ke Malaysia, nilai jualan barang bercukai itu ialah jumlah amaun yang berikut:

- (i) Nilai barang bercukai itu bagi maksud duti kastam yang ditentukan mengikut Akta Kastam 1967;
- (ii) Amaun duti kastam, jika ada, yang telah dibayar atau kena dibayar ke atas barang bercukai itu; dan
- (iii) Amaun duti eksais, jika ada, yang telah dibayar atau kena dibayar ke atas barang bercukai itu.

Barang Bercukai

11. Barang bercukai adalah kelas atau jenis barang yang tidak dikecualikan daripada cukai jualan. Barang yang dikecualikan daripada cukai jualan disenaraikan

dalam Jadual A, Perintah Cukai Jualan (Barang Yang Dikecualikan Daripada Cukai) 2018.

Nilai Ambang (Perolehan Jualan Tahunan)

12. Nilai jualan barang bercukai bagi tujuan pendaftaran mana-mana pengilang yang ditetapkan oleh Menteri dalam Perintah Cukai Jualan (Jumlah Nilai Jualan Barang Bercukai) 2018 adalah RM500,000.

Cukai Jualan Yang Genap Masa

13. Cukai jualan yang dikenakan di bawah Akta Cukai Jualan 2018 hendaklah menjadi genap masa pada masa barang bercukai dijual, dilupuskan selain dengan cara jualan, atau pertama kali digunakan selain sebagai bahan dalam pengilangan barang bercukai oleh orang kena cukai.

14. Menteri boleh menetapkan masa yang berlainan bagi cukai jualan menjadi genap masa berkenaan dengan petroleum tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Menteri.

15. Tiada cukai jualan yang perlu dibayar atas pembelian atau perolehan apabila pengilang berdaftar berhenti menjalankan perniagaan sebagai pengilang dan digantikan oleh orang lain yang sama ada:-

- (i) Membeli stok barang bercukai yang ada dalam tangan pengilang berdaftar itu pada tarikh pemberhentian; atau
- (ii) Memperoleh apa-apa stok barang bercukai sebagai seorang pemegang amanah, penerima, pelikuidasi, penerima derma, atau benefisiari bagi pengilang berdaftar itu.

PENDAFTARAN

Tanggungjawab Untuk Berdaftar

16. Setiap orang yang terlibat dalam pengilangan barang bercukai dalam urusan perniagaan dikehendaki memohon untuk menjadi pengilang berdaftar tidak lewat

dari hari terakhir bulan yang berikut selepas bulan yang dia bertanggung untuk berdaftar.

Contoh 1:

Bertanggung untuk didaftarkan pada 15 Disember 2018.

Memohon pendaftaran dalam tempoh 1 Januari hingga 31 Januari 2019.

17. Dalam menentukan sama ada seseorang itu tertakluk kepada keperluan tersebut, adalah penting untuk memastikan bahawa operasinya menepati definisi 'pengilangan' dan barang siap yang terhasil daripada pengilangan itu adalah bercukai.

18. 'Pengilangan' ditakrifkan di bawah seksyen 3 Akta Cukai Jualan 2018 bermaksud:

- (i) Berhubung dengan barang selain petroleum, pengilangan ditakrifkan sebagai kerja mengubah jadi dengan cara manual atau mekanikal bahan-bahan organik atau bukan organik kepada suatu keluaran baharu dengan mengubah saiz, bentuk, komposisi, sifat atau kualiti bahan tersebut dan termasuk pemasangan bahagian-bahagian ke dalam suatu jentera atau produk lain. Walau bagaimanapun, pengilangan tidak termasuk pemasangan jentera atau kelengkapan bagi maksud pembinaan.
- (ii) Berhubung dengan petroleum, apa-apa proses pemisahan, penulenan, penapisan, penukaran dan pengadunan.

19. Keperluan pendaftaran ini membolehkan JKDM mengenal pasti skop percukaian pengilang-pengilang yang berada di bawah Akta Cukai Jualan 2018. Pengilang yang telah didaftarkan di bawah Akta tersebut dikenali sebagai pengilang berdaftar.

20. Pengilang barang bercukai adalah bertanggung untuk berdaftar pada masa yang berikut, mana-mana yang lebih awal:

- (i) Pada akhir mana-mana bulan, jika jumlah nilai jualan semua barang

bercukainya dalam bulan itu dan sebelas bulan sebelum bulan itu telah melebihi RM500,000; atau

- (ii) Pada akhir mana-mana bulan, jika jumlah nilai jualan semua barang bercukainya dalam bulan itu dan sebelas bulan selepas bulan itu akan melebihi RM500,000.

21. Pengilang yang menjalankan kerja subkontraktor dengan nilai ambang melebihi RM500,000 setahun adalah bertanggung untuk didaftarkan.

22. Terdapat peraturan khas bagi pendaftaran di bawah tempoh peralihan daripada sistem percukaian terdahulu kepada sistem cukai jualan seperti yang diperuntukkan dalam peruntukan peralihan.

Permohonan Pendaftaran

23. Orang yang menjalankan perniagaan pengilangan barang bercukai hendaklah memohon untuk pendaftaran sebagai pengilang berdaftar dalam Borang SST-01.

Contoh 2:

Able Copier Sdn Bhd mengilang dan menjual mesin fotokopi selain menyediakan perkhidmatan selepas jualan. Able Copier menjual barang-barang bercukai dan menyediakan perkhidmatan yang tidak boleh dikenakan cukai. Able Copier hanya perlu didaftarkan di bawah seksyen 13 Akta Cukai Jualan 2018.

24. Tarikh pendaftaran 1 September 2018 adalah hari pertama bulan selepas bulan pemberitahuan tanggungan diterima atau mana-mana tarikh yang lebih awal yang dipersetujui oleh Ketua Pengarah tetapi tidak lebih awal daripada tarikh dia bertanggung untuk didaftarkan. Pengilang berdaftar akan diberitahu secara bertulis dan diberikan dengan suatu nombor pengenalan.

25. Orang kena cukai yang mengilang petroleum hendaklah mengemukakan pelan dan lukisan yang menyatakan:

- (i) Tapak bina;

- (ii) Susun atur premis perniagaan;
- (iii) Susun atur loji, jentera, kelengkapan, saluran paip, meter dan peranti; dan
- (iv) Tangki simpanan

pada masa permohonan pendaftaran dikemukakan untuk kelulusan Ketua Pengarah.

26. Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk menetapkan syarat bagi pengilang petroleum berdaftar seperti berikut:

- (i) Pelan dan lukisan yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah hendaklah ditandatangani olehnya dan pengilang itu tidak boleh menyimpang daripada pelan yang telah diluluskan tanpa kelulusan bertulis Ketua Pengarah;
- (ii) Pengilang petroleum berdaftar hendaklah menyimpan petroleum bercukai dalam tangki simpanan di dalam gudang berlesen, atau mana-mana premis dalam zon bebas sahaja;
- (iii) Pengilang petroleum berdaftar tidak boleh mengubah gred mana-mana petroleum yang disimpan tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah terlebih dahulu;
- (iv) Semua saluran paip yang dipasang dengan meter dan peranti hendaklah diluluskan oleh Ketua Pengarah;
- (v) Semua meter dan peranti yang digunakan untuk menyukat petroleum hendaklah diluluskan oleh Ketua Pengarah; dan
- (vi) Pengilang petroleum berdaftar hendaklah membaiki dengan segera apa-apa kebocoran petroleum yang berlaku di tempat atau premisnya.

27. Pengilang berdaftar hendaklah menduduki premis di mana pengilang berdaftar menjalankan perniagaannya. Jika dia gagal berbuat demikian, maka dia melakukan suatu kesalahan di bawah peraturan 5 Peraturan-Peraturan Cukai Jualan 2018.

28. Pengilang berdaftar dikehendaki memberitahu JKDM dengan serta-merta apa-apa perubahan butir-butir pengilang berdaftar seperti nama perniagaan, alamat mana-mana premis perniagaan, status perniagaan, perubahan dalam barang bercukai, dan sebagainya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 6 Peraturan-Peraturan Cukai Jualan 2018.

Pendaftaran Lewat

29. Jika pengilang gagal berdaftar apabila dia bertanggung di bawah Akta ini dan gagal memberitahu Ketua Pengarah mengenai tanggungannya, Ketua Pengarah hendaklah mendaftarkannya pada tarikh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah tetapi tidak boleh lebih awal dari tarikh pengilang berdaftar itu bertanggung untuk berdaftar di bawah seksyen 12 Akta Cukai Jualan 2018.

Pendaftaran Secara Atas Talian

30. Permohonan pendaftaran secara atas talian boleh dibuat melalui portal MySST yang disediakan untuk memudahkan pengilang untuk memohon menjadi pengilang berdaftar. Permohonan atas talian boleh diakses di www.mysst.customs.gov.my.

Pendaftaran Sukarela

31. Mana-mana pengilang berikut yang tidak bertanggung untuk berdaftar boleh memohon untuk didaftarkan di bawah Akta Cukai Jualan 2018 tertakluk kepada syarat yang ditentukan oleh Ketua Pengarah:

- (i) Menjalankan pengilangan barang bercukai tetapi di bawah nilai ambang; atau
- (ii) Orang yang dikecualikan daripada pendaftaran.

32. Ketua Pengarah boleh meluluskan pendaftaran itu pada tarikh yang ditentukannya, tertakluk kepada syarat-syarat yang difikirkannya patut dikenakan.

Pendaftaran Perkongsian

33. Pendaftaran bagi orang yang menjalankan perniagaan perkongsian untuk

menjadi pengilang berdaftar hendaklah di atas nama firma tersebut. Sekiranya pekongsi yang sama menjalankan perniagaan perkongsian yang berasingan ingin menjadi pengilang berdaftar, pendaftaran boleh dibuat di atas nama firma masing-masing.

Pembatalan Pendaftaran

34. Pengilang berdaftar hendaklah memberitahu Ketua Pengarah secara bertulis termasuk tarikh pemberhentian jika: -

- (i) Pengilang berdaftar tidak lagi menjalankan perniagaan pengilangan barang bercukai; atau
- (ii) Jumlah nilai jualan barang bercukai pada bulan itu dan sebelas bulan selepas bulan itu tidak melebihi RM500,000.

35. Jika tiada pemberitahuan dibuat oleh pengilang berdaftar, Ketua Pengarah boleh membatalkan pendaftarannya dari tarikh pengilang berdaftar itu berhenti mengilang barang bercukai atau terhenti bertanggung untuk berdaftar, atau dari apa-apa tarikh terkemudian yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

Pengecualian Pendaftaran

36. Seksyen 20 Akta Cukai Jualan 2018 memberikan Menteri kuasa untuk mengecualikan mana-mana orang daripada pendaftaran di bawah seksyen 13 tertakluk kepada syarat-syarat yang difikirkan patut olehnya. Pengecualian tersebut diberikan melalui Perintah Cukai Jualan (Pengecualian Daripada Pendaftaran) 2018.

37. Pengilang berikut adalah dikecualikan daripada pendaftaran:

- (i) Pengilang barang tidak bercukai (tidak layak untuk pendaftaran secara sukarela);
- (ii) Pengilang di bawah nilai ambang;
- (iii) Subkontraktor yang mengilang di bawah nilai ambang; atau
- (iv) Aktiviti pengilangan yang telah dikecualikan daripada pendaftaran.

Contohnya: pemberian perkhidmatan jahitan peribadi, penggabungan barang ke dalam bangunan, tukang emas, ahli optik.

38. Pengilang yang dikecualikan daripada pendaftaran di bawah Perintah Cukai Jualan (Pengecualian Daripada Pendaftaran) 2018 tidak perlu memohon untuk dikecualikan daripada pendaftaran. Walau bagaimanapun, di bawah seksyen 20(2) Akta Cukai Jualan 2018, pengilang tersebut boleh memohon untuk didaftarkan sebagai pengilang berdaftar secara sukarela.

PERAKAUNAN BAGI CUKAI JUALAN

Tempoh Bercukai

39. Tempoh bercukai pertama bagi setiap orang kena cukai hendaklah bermula dari tarikh dia sepatutnya telah didaftarkan di bawah seksyen 13 Akta Cukai Jualan 2018 dan berakhir pada hari terakhir bulan berikutnya dan tempoh bercukai berikutnya ialah tempoh dua bulan yang berakhir pada hari terakhir mana-mana bulan dalam mana-mana tahun kalendar.

Kekerapan Penyata	Tempoh Bercukai
Tempoh Cukai Pertama	Dua Bulan Sekali (Sept – Okt 2018)
Tempoh Bercukai Berikutnya	Nov - Dis, Jan - Feb, Mac - Apr, Mei - Jun, Jul - Ogos, Sept - Okt, ...
Tempoh Asas Khusus	Tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah

40. Ketua Pengarah boleh menetapkan tempoh bercukai yang berlainan berkenaan dengan petroleum tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.

41. Ketua Pengarah boleh menetapkan semula tempoh bercukai bagi orang kena cukai selain daripada tempoh bercukai yang telah ditentukan kepadanya sebagaimana yang difikirkannya patut dan juga atas permohonan secara bertulis

oleh orang kena cukai untuk mengubah tempoh bercukai atau tarikh tempoh bercukai bermula atau berakhir.

Invois

42. Pengilang berdaftar dikehendaki di bawah Akta, melainkan jika ditetapkan selainnya oleh peraturan, untuk mengeluarkan suatu invois, sama ada dalam bentuk salinan cetak atau secara elektronik kepada pembeli berkenaan dengan apa-apa transaksi yang berhubungan dengan penjualan barang bercukai.

43. Jumlah cukai jualan yang kena dibayar hendaklah dipungut oleh pengilang berdaftar daripada pembeli sebagai tambahan kepada harga dan apa-apa amaun lain yang genap masa dan kena dibayar oleh pembeli berkenaan dengan barang bercukai itu.

44. Invois hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:

- (i) Mengandungi butiran yang ditetapkan;
 - (a) Nombor siri invois;
 - (b) Tarikh invois;
 - (c) Nama, alamat dan nombor pengenalan pengilang berdaftar;
 - (d) Nama dan alamat orang yang membeli barang bercukai;
 - (e) Perihal yang mencukupi berkenaan barang bercukai yang dijual;
 - (f) Apa-apa diskaun yang ditawarkan;
 - (g) Bagi setiap perihalan, bezakan jenis barang bercukai, kuantiti barang bercukai dan amaun kena dibayar tidak termasuk cukai jualan;
 - (h) Jumlah amaun kena dibayar tidak termasuk cukai jualan, kadar cukai jualan dan jumlah cukai jualan dikenakan ditunjukkan secara berasingan;
 - (ha) jumlah amaun kena dibayar termasuk jumlah cukai jualan

yang boleh dikenakan; dan

- (i) Apa-apa jumlah wang yang dinyatakan dalam mata wang selain daripada Ringgit juga dinyatakan dalam Ringgit pada kadar jualan tukaran yang lazim di Malaysia pada masa penjualan barang bercukai itu.
- (ii) Ia mestilah dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris.

Pengeluaran Invois Oleh Komputer

45. Seksyen 22 Akta Cukai Jualan 2018 membolehkan pengeluaran invois berkomputer bagi transaksi yang berkaitan dengan penjualan barang bercukai. Pengilang berdaftar dianggap sebagai telah mengeluarkan invois kepada pembeli, walaupun tidak ada penyerahan apa-apa dokumen bersamaan dalam bentuk kertas kepada pembeli jika butir-butir yang direkodkan dalam komputer dan;

- (i) dihantar kepada pembeli tersebut dengan cara elektronik; atau
- (ii) dikeluarkan atas apa-apa bahan selain kertas dan diserahkan kepada pembeli.

46. Pengeluaran invois secara elektronik adalah dibenarkan.

Contoh 3:

Able Furniture menjual kabinet dapur dan peralatan selain menyediakan perkhidmatan perundingan untuk mereka bentuk dan menyusun semula dapur. Able Furniture adalah pengilang barang bercukai dan menyediakan perkhidmatan yang kena dibayar cukai (perkhidmatan perundingan). Oleh itu, dia dikehendaki didaftarkan di bawah seksyen 13 Akta Cukai Jualan 2018 dan seksyen 13 Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Walau bagaimanapun, dia boleh menggunakan format invois yang sama bagi penjualan barang atau penyediaan perkhidmatan tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah.

Nota Kredit dan Nota Debit

47. Pengilang berdaftar yang menjual barang bercukai hendaklah mengeluarkan suatu nota kredit, jika terdapat pengurangan amaun cukai jualan yang kena dibayar, selepas penyata cukai jualan (Borang SST-02) dikemukakan kepada Ketua Pengarah dalam situasi berikut:

- (i) Barang bercukai dikembalikan oleh pembeli atas sebab salah kuantiti, kualiti tidak baik atau cacat atau yang tidak dikontrakkan, dengan syarat bahawa barang bercukai itu belum lagi dijual atau dilupuskan oleh pembeli; atau
- (ii) Diskaun diberikan ke atas barang bercukai yang dijual dan yang boleh digunakan secara bebas oleh mana-mana orang yang bersedia menjalankan perniagaan.

48. Sebaliknya, pengilang berdaftar yang menjual barang bercukai hendaklah mengeluarkan satu nota debit jika terdapat penambahan amaun cukai jualan yang kena dibayar, selepas penyata cukai jualan (Borang SST-02) dikemukakan kepada Ketua Pengarah jika terdapat apa-apa pelarasan harga.

49. Pengilang berdaftar perlu membuat pelarasan cukai jualan berkaitan nota kredit atau nota debit dalam penyata bagi tempoh bercukai di mana nota kredit atau nota debit itu dikeluarkan atau jika pengilang itu telah berhenti menjadi pengilang berdaftar, dia hendaklah membuat pelarasan cukai jualan dalam penyata bagi tempoh bercukai terakhirnya.

50. Suatu nota kredit atau nota debit hendaklah mengandungi butir yang berikut:

- (i) Perkataan “nota kredit” atau “nota debit” tertera dengan jelas;
- (ii) Nombor siri nota kredit atau nota debit;
- (iii) Tarikh nota kredit atau nota debit dikeluarkan;
- (iv) Nama, alamat dan nombor pengenalan pengilang berdaftar;
- (v) Nama dan alamat pembeli;

- (vi) Sebab nota kredit atau nota debit dikeluarkan;
- (vii) Suatu perihalan, kuantiti dan amaun barang bercukai;
- (viii) Jumlah amaun tidak termasuk cukai jualan;
- (ix) Kadar dan amaun cukai jualan; dan
- (x) Nombor dan tarikh invoice asal yang telah dikeluarkan.

51. Ketua Pengarah boleh tidak membenarkan apa-apa potongan jika nota kredit yang dikemukakan didapati tidak benar atau tidak betul.

52. Jika pengurangan cukai jualan bagi mana-mana tempoh bercukai melebihi amaun cukai jualan yang kena dibayar oleh orang kena cukai, bakinya hendaklah dibawa ke hadapan kepada tempoh bercukai yang akan datang dan tempoh bercukai yang kemudiannya, sehingga keseluruhan baki telah dipotong.

53. Jika orang kena cukai berhenti menjalankan perniagaan, tiada pembayaran balik boleh dibenarkan ke atas baki yang dibawa ke hadapan bagi tempoh yang orang kena cukai itu berhenti menjalankan perniagaan.

KEWAJIPAN MENYIMPAN REKOD

54. Di bawah seksyen 24(1) Akta Cukai Jualan 2018, menjadi kewajipan bagi setiap pengilang berdaftar untuk menyimpan rekod yang lengkap dan benar yang ditulis dengan kemaskini bagi semua transaksi yang menyentuh tanggungannya atau boleh menyentuh tanggungannya terhadap cukai jualan. Rekod atau buku akaun tersebut mesti dikeluarkan dalam bahasa kebangsaan atau Bahasa Inggeris.

55. Pengilang berdaftar hendaklah menyimpan rekod di Malaysia melainkan jika diluluskan sebaliknya oleh Ketua Pengarah. Rekod yang diperlukan adalah: -

- (i) Semua rekod jualan barang bercukai termasuk invoice, resit, nota debit dan nota kredit;
- (ii) Semua rekod pengimportan dan pengeksportan barang bercukai; dan
- (iii) Semua rekod lain yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

56. Jika rekod disimpan dalam bentuk elektronik, rekod sedemikian hendaklah mudah diakses dan boleh ditukar ke dalam bentuk tulisan. Jika rekod itu pada asalnya dalam bentuk manual dan kemudiannya ditukar menjadi bentuk elektronik, rekod tersebut hendaklah dikekalkan dalam bentuk asalnya sebelum penukaran itu.

57. Rekod asas yang perlu disimpan adalah:

- (i) Invois dan resit pembayaran;
- (ii) Laporan jualan harian, bulanan atau tahunan;
- (iii) Senarai *debtor's aging*;
- (iv) Nota kredit dan nota debit;
- (v) Penyata kewangan diaudit;
- (vi) Penyata bank; dan
- (vii) Perjanjian kontrak dan laporan progresif.

58. Rekod atau buku akaun hendaklah disimpan bagi tempoh tujuh (7) tahun dari tarikh ia dikeluarkan. Kegagalan untuk mematuhi keperluan itu merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 24 Akta Cukai Jualan 2018 dan pesalah boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya.

PENGEMUKAAN PENYATA DAN PEMBAYARAN CUKAI JUALAN

Penyata Cukai Jualan

59. Orang kena cukai hendaklah mengakaunkan cukai jualan yang genap masa dalam penyata cukai jualan (Borang SST-02) dan penyata itu hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah mengikut cara yang ditetapkan tidak lewat daripada hari terakhir bulan selepas berakhirnya tempoh bercukai orang kena cukai itu.

60. Penyerahan borang boleh dilakukan secara elektronik melalui portal MySST atau orang kena cukai boleh memuat turun dan mencetak Borang SST-02 dari portal

MySST. Penyata hendaklah dihantar melalui pos ke Pusat Pemprosesan Kastam.

Tarikh Akhir Mengemukakan Penyata Cukai Jualan

61. Penyata cukai jualan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah tidak lewat dari hari terakhir bulan selepas berakhirnya tempoh bercukai orang kena cukai itu.
62. Jika tempoh bercukai orang kena cukai telah diubah, penyata cukai jualan hendaklah dikemukakan dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh berakhirnya tempoh bercukai yang diubah itu.
63. Penyata cukai jualan hendaklah dikemukakan sama ada terdapat cukai jualan yang kena dibayar atau sebaliknya.
64. Orang kena cukai hendaklah mengemukakan butir-butir berikut dalam penyata cukai jualan:
- (i). Maklumat barang bercukai;
 - (ii). Kod tarif bagi barang bercukai;
 - (iii). Nilai barang bercukai yang dijual;
 - (iv). Nilai barang bercukai yang digunakan sendiri/ dilupus;
 - (v). Amaun cukai jualan kena dibayar.

Pembetulan Kesilapan

65. Jika orang kena cukai membuat suatu kesilapan dalam apa-apa penyata yang dikemukakan, pembetulan boleh dibuat secara sukarela dalam Borang SST-02 dengan cara dan dalam masa yang ditetapkan oleh pegawai kanan cukai jualan.

Penyata Terakhir Cukai Jualan

66. Pengilang berdaftar yang terhenti daripada bertanggung untuk berdaftar atau berhenti mengilang barang bercukai hendaklah mengemukakan penyata terakhir tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas pemberhentian itu atau apa-apa tarikh terkemudian yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah.

67. Jika pengilang berdaftar yang berhenti menjalankan perniagaan sebagai pengilang dan mempunyai stok barang bercukai di mana cukai jualan yang genap masa dan kena dibayar belum dibayar dan jika seksyen 11(4) tidak terpakai, dia dikehendaki memasukkan butir-butir barang bercukai tersebut ke dalam penyata seolah-olah barang itu telah dijual olehnya dalam tempoh bercukai terakhir dan membayar cukai jualan dengan sewajarnya.

Kesalahan Bagi Penyata Lewat Hantar

68. Orang kena cukai yang gagal mengemukakan penyata cukai jualan dalam tempoh yang ditetapkan atau mengemukakan suatu penyata yang tidak betul, adalah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 26(7) Akta Cukai Jualan 2018 dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara selama tempoh yang tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya.

Pembayaran Cukai Jualan Yang Genap Masa Dan Kena Dibayar

69. Orang kena cukai dikehendaki untuk mengemukakan penyata cukai jualan dan hendaklah membayar kepada Ketua Pengarah amaun cukai jualan yang genap masa dan kena dibayar olehnya bagi tempoh bercukai yang berkenaan, tidak lewat dari hari terakhir yang dia dikehendaki untuk mengemukakan penyata cukai jualan itu.

Cara Pembayaran

70. Pembayaran cukai jualan berkenaan dengan penyata cukai jualan, surcaj, penalti, fi atau lain-lain wang yang kena dibayar hendaklah dibuat sama ada melalui:

- (i). Perbankan elektronik; atau
- (ii). Cek atau draf bank dan dihantar kepada Pusat Pemprosesan Kastam melalui pos. Cek tarikh hadapan adalah tidak dibenarkan.

Contoh 4:

Syarikat ABC mengeluarkan cek untuk pembayaran cukai jualan

pada 25 Januari 2019. Cek tersebut adalah bertarikh masa hadapan 29 Januari 2019. Cek telah diterima oleh Pusat Pemprosesan Kastam pada 26 Januari 2019. Cek yang ditulis oleh orang kena cukai untuk tarikh pada masa hadapan tidak diterima sebagai pembayaran cukai jualan oleh JKDM.

Masa Pembayaran

71. Cek atau draf bank untuk pembayaran cukai jualan, surcuj, penalti, fi atau lain-lain wang dianggap telah dibayar apabila pembayaran diterima oleh Ketua Pengarah pada tarikh amaun itu telah dibayar sewajarnya kepada Ketua Pengarah iaitu ketika cek itu dijelaskan.

72. Sebarang pembayaran yang dibuat secara elektronik dianggap diterima apabila pembayaran tersebut dimasukkan untuk dikreditkan kepada Ketua Pengarah.

73. Cek atau draf bank yang dihantar melalui pos ke Pusat Pemprosesan Kastam dianggap telah diterima pada tarikh tanda pos.

Kesalahan Bagi Cukai Lewat Bayar

74. Orang kena cukai yang gagal membayar cukai jualan yang genap masa dan kena dibayar dalam tempoh yang ditetapkan adalah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 26(8) Akta Cukai Jualan 2018 dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau kedua-duanya.

Penalti Bagi Cukai Lewat Bayar

75. Jika cukai jualan yang genap masa dan kena dibayar tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya oleh orang kena cukai selepas hari terakhir cukai jualan itu telah genap masa dan kena dibayar dan tiada pendakwaan dimulakan, orang kena cukai itu hendaklah membayar: -

- (i) Untuk tempoh tiga puluh (30) hari pertama, jika cukai jualan itu tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya selepas tamat tempoh itu,

penalti sepuluh (10) peratus daripada amaun cukai jualan yang masih belum dibayar;

- (ii) Bagi tempoh tiga puluh (30) hari kedua, jika cukai jualan itu tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya selepas tamat tempoh itu, penalti tambahan sebanyak lima belas (15) peratus daripada amaun cukai jualan yang masih belum dibayar; dan
- (iii) Untuk tempoh tiga puluh (30) hari ketiga, jika cukai jualan itu tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya selepas tamat tempoh itu, penalti tambahan sebanyak lima belas (15) peratus daripada amaun cukai jualan itu yang masih belum dibayar.

76. Orang kena cukai akan dikenakan denda maksimum 40 peratus selepas tamatnya tempoh sembilan puluh (90) hari.

Contoh 5: Cukai bagi lewat bayar

Tempoh Bercukai	Tarikh Akhir Pengenaan Penalti	Cukai Jualan			Tempoh Berakhir	
		Amaun Cukai Kena Dibayar (RM)	Cukai Dibayar Sebelum Tempoh Berakhir (RM)	Baki (RM)	Kadar Penalti (%)	Penalti (RM)
1.09.2018 – 31.10.2018	31.12.2018	10,000	-	10,000		
	31.01.2019	10,000	5,000	5,000	10%	500
	28.02.2019	5,000	3,000	2,000	15%	300
	31.03.2019	2,000	1,000	1,000	15%	150

Nilai amaun penalti dikira seperti: -

- 31.01.2019: RM5,000 x 10% = RM500
- 28.02.2019: RM2,000 x 15% = RM300

-
- 31.03.2019: RM1,000 x 15% = RM150

Kuasa Menaksir

77. Ketua Pengarah boleh menaksir mengikut pertimbangan terbaiknya amaun cukai jualan yang genap masa dan kena dibayar termasuk penalti oleh orang kena cukai yang:

- (i) Gagal memohon pendaftaran di bawah seksyen 13;
- (ii) Tidak mengemukakan penyata di bawah seksyen 26; atau
- (iii) Mengemukakan penyata yang tidak lengkap atau tidak betul.

78. Pegawai yang hak boleh menaksir cukai jualan yang kena dibayar ke atas apa-apa barang bercukai yang diimport oleh mana-mana orang.

79. Jika orang kena cukai didapati mempunyai kawalan ke atas mana-mana barang bercukai atau telah mengimport mana-mana barang bercukai, Ketua Pengarah boleh menghendaki orang kena cukai itu untuk mengakaunkan barang bercukai itu. Jika orang kena cukai itu tidak mengakaunkan barang bercukai oleh sebab berikut: -

- (i) Barang bercukai itu telah dijual olehnya;
- (ii) Barang bercukai itu telah dieksport; atau
- (iii) Barang bercukai itu telah hilang atau musnah,

Ketua Pengarah boleh menaksir mengikut pertimbangan terbaiknya amaun cukai jualan yang sepatutnya boleh dikenakan ke atas barang bercukai itu. Notis taksiran hendaklah dihantar kepada orang kena cukai secara bertulis.

TUNTUTAN CUKAI JUALAN. dsb

Tuntutan Cukai Jualan, Surcaj, Penalti, Fi Atau Lain-Lain Wang Sebagai Hutang Sivil

80. Tindakan sivil boleh diambil untuk mendapatkan apa-apa cukai jualan yang

terhutang dan kena dibayar, surcaj terakru, penalti, fi atau lain-lain wang yang kena dibayar sebagai suatu hutang sivil yang kena dibayar kepada kerajaan.

Pemungutan Cukai Jualan, Surcaj, Penalti, Fi Atau Lain-Lain Wang Daripada Orang yang Terhutang Kepada Orang Kena Cukai

81. Jika cukai jualan terhutang dan kena dibayar, surcaj terakru, penalti, fi atau lain-lain wang kena dibayar oleh orang kena cukai, Ketua Pengarah boleh, melalui notis secara bertulis, menuntut jumlah tertunggak tersebut daripada orang yang berikut:

- (i) Orang yang terhutang wang kepada orang kena cukai;
- (ii) Orang yang memegang wang bagi pihak orang kena cukai;
- (iii) Orang yang memegang wang bagi pihak orang lain untuk dibayar kepada orang kena cukai; atau
- (iv) Orang yang diberi kuasa oleh seseorang untuk membayar wang kepada orang kena cukai.

82. Salinan notis hendaklah dikemukakan kepada orang kena cukai di alamat terakhirnya yang diketahui.

83. Semua bayaran yang dibuat menurut notis itu hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat bayaran bagi pihak orang kena cukai.

Tuntutan Cukai Jualan, Surcaj, Penalti, Fi Atau Lain-Lain Wang Daripada Orang Yang Hendak Meninggalkan Malaysia

84. Menurut seksyen 30 Akta Cukai Jualan 2018, jika Ketua Pengarah mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa ada kemungkinan mana-mana orang hendak atau akan meninggalkan Malaysia sebelum cukai jualan genap masa dan kena dibayar, cukai jualan itu hendaklah dibayar pada tarikh lebih awal yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan orang itu akan diberitahu dengan sewajarnya.

85. Ketua Pengarah boleh mengeluarkan kepada Ketua Pengarah Imigresen suatu notis yang mengandungi butir-butir orang dan kesalahan yang dilakukannya

dan meminta supaya orang itu dihalang daripada meninggalkan Malaysia sehingga pembayaran cukai jualan, surcaj, penalti, fi atau lain-lain wang telah dibuat atau jaminan pembayarannya dikemukakan sehingga memuaskan hati Ketua Pengarah.

Bayaran Secara Ansuran

86. Jika orang kena cukai gagal membayar cukai jualan, tuntutan boleh dibuat untuk mengarahkan orang kena cukai membayar cukai tersebut. Sekiranya orang kena cukai tersebut gagal menjelaskannya dalam satu pembayaran, dia boleh memohon kepada Ketua Pengarah untuk membayar secara ansuran dalam amaun dan pada tarikh yang ditentukan olehnya. Dalam kes ini, penalti hendaklah terhenti dikira dari tarikh Ketua Pengarah membenarkan pembayaran secara ansuran itu.

87. Jika berlaku kegagalan dalam pembayaran ansuran tersebut, surcaj yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada jumlah tertunggak akan dikenakan. Keseluruhan baki cukai yang tertunggak dan surcaj hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar pada tarikh pembayaran tersebut gagal dibuat.

Tanggungan Pengarah

88. Seksyen 34 Akta Cukai Jualan 2018 menetapkan bahawa pengarah, pekongsi firma bertanggungjawab secara bersesama dan berasingan bagi cukai jualan, surcaj, penalti, fi atau lain-lain wang yang kena dibayar oleh syarikat, pekongsi firma, mengikut mana-mana yang berkenaan. Dalam hal ini, cukai jualan yang ditanggung oleh pengilang berdaftar boleh diperolehi daripada:

- (i) Pengarah syarikat, termasuk orang yang pernah menjadi pengarah syarikat tersebut (jika pengilang berdaftar adalah syarikat);
- (ii) Pegawai pematuhan (*Compliance officer*) yang dilantik di kalangan pekongsi perkongsian liabiliti terhad atau jika tiada, mana-mana pekongsi atau semua pekongsi perkongsian liabiliti terhad;
- (iii) Pekongsi firma, termasuk orang yang pernah menjadi pekongsi firma tersebut (jika pengilang berdaftar adalah firma);
- (iv) Pemegang jawatan pertubuhan; atau

- (v) Orang yang bertanggungjawab bagi pengurusan kumpulan orang itu.

89. Pengarah syarikat yang sedang digulung di bawah Akta Syarikat 2016 akan bertanggungjawab ke atas cukai jualan, surcaj, penalti, fi atau lain-lain wang yang kena dibayar jika aset syarikat itu tidak mencukupi untuk menjelaskan amaun tersebut, selepas membayar apa-apa jumlah wang yang mempunyai keutamaan berhubung dengan penggulangan syarikat itu.

KEMUDAHAN DI BAWAH AKTA CUKAI JUALAN 2018

Pengecualian Di Bawah Seksyen 35

90. Seksyen 35 Akta Cukai Jualan 2018 memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan cukai jualan. Pengecualian boleh dikategorikan seperti berikut:

- (i). Pengecualian melalui Perintah; atau
- (ii). Pengecualian khusus.

Pengecualian Melalui Perintah

91. Menteri boleh dengan perintah mengecualikan:

- (i). apa-apa barang atau kelas barang daripada keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai jualan; atau
- (ii). mana-mana orang atau golongan orang daripada pembayaran keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai jualan yang boleh dikenakan dan dilevikan ke atas apa-apa barang bercukai yang dikilang atau diimport.

Pengecualian Khusus

92. Orang atau golongan orang boleh memohon kepada Menteri untuk dikecualikan daripada pembayaran keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai jualan yang kena dibayar oleh orang atau golongan orang itu. Permohonan

hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan. Dalam memberikan pengecualian itu, Menteri boleh menetapkan apa-apa syarat yang difikirkannya patut dikenakan.

93. Apabila mana-mana orang yang diberi pengecualian gagal atau tidak lagi mematuhi apa-apa syarat yang ditetapkan, orang yang diberi pengecualian itu atau mana-mana orang yang didapati memiliki barang bercukai itu hendaklah secara bersama dan berasingan bertanggungjawab untuk membayar cukai jualan.

Pengecualian Di Bawah Jadual A, Perintah Cukai Jualan (Barang Yang Dikecualikan Daripada Cukai) 2018

94. Barang atau kelas barang yang dikecualikan daripada cukai jualan disenaraikan dalam Jadual A, Perintah Cukai Jualan (Barang Yang Dikecualikan Daripada Cukai) 2018.

Pengecualian Di Bawah Jadual A, B dan C, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018

95. Jadual-jadual dalam Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 menyenaraikan perkara berikut:

- (i). **Jadual A** menyediakan senarai orang atau kelas orang yang dikecualikan daripada pembayaran cukai jualan.

Contohnya Sultan, Jabatan Kerajaan Persekutuan atau Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Depot Pelepasan Dalam Negeri dan Kedai Bebas Cukai.

- (ii). **Jadual B** memberikan pengecualian cukai jualan kepada pengilang barang dikecualikan cukai yang tertentu, untuk memperoleh bahan mentah, komponen dan bahan pembungkusan yang digunakan dalam pengilangan barang yang dikecualikan cukai.
- (iii). **Jadual C** memberikan pengecualian cukai jualan kepada pengilang berdaftar ke atas perolehan bahan mentah, komponen dan bahan

pembungkusan yang digunakan dalam pengilangan barang bercukai.

PEMBAYARAN BALIK, PULANG BALIK DAN REMISI

Tuntutan Pembayaran Balik Cukai Jualan Berhubung Dengan Hutang Lapuk

96. Hutang lapuk bermaksud jumlah pembayaran tertunggak berkenaan dengan penjualan barang bercukai termasuk cukai jualan yang belum dibayar kepada pengilang berdaftar atau yang telah berhenti menjadi pengilang berdaftar, dan tidak boleh lagi didapatkan oleh pengilang itu.

97. Sebarang tuntutan bagi pembayaran balik berhubung dengan hutang lapuk daripada Ketua Pengarah boleh dibuat oleh pengilang berdaftar atau orang yang telah berhenti menjadi pengilang berdaftar. Tuntutan pembayaran balik secara keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai jualan yang telah dibayar olehnya hendaklah dibuat dalam tempoh enam (6) tahun dari tarikh cukai jualan dibayar tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) Keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai jualan yang kena dibayar kepada pengilang berdaftar telah dihapus kira dalam akaunnya sebagai hutang lapuk; dan
- (ii) Segala usaha yang munasabah telah dibuat olehnya untuk mengutip hutang.

98. Orang yang membuat tuntutan pembayaran balik berhak untuk mendapatkan semula cukai jualan yang telah dibayar jika dia tidak menerima bayaran berkenaan dengan penjualan barang bercukai itu.

99. Jika dia telah menerima bayaran berkenaan dengan penjualan barang bercukai itu, tuntutan itu boleh dibuat bagi perbezaan antara cukai jualan yang telah dibayar dengan amaun yang dikira mengikut formula berikut:

$$\frac{A}{B} \times C$$

Di mana	A	adalah bayaran yang diterima berkenaan penjualan barang bercukai;
	B	adalah nilai jualan barang bercukai ditambah dengan cukai jualan yang kena dibayar atas barang bercukai;
	C	adalah cukai jualan yang kena dibayar atas barang bercukai.

Contoh 6:

Kilang Kertas Merah Sdn Bhd adalah pengilang berdaftar yang belum menerima baki pembayaran termasuk cukai jualan berjumlah RM120,000 daripada nilai jualan RM220,000 yang tidak dapat dipungut. Kemudian, penghutangnya telah diisytiharkan sebagai bankrap dan dia tidak dapat membayar hutang itu. Pengilang berdaftar telah mengakaunkan cukai jualan sebanyak 10% kepada JKDM. Oleh itu, Kilang Kertas Merah Sdn Bhd berhak menuntut hutang lapuk berdasarkan pengiraan seperti berikut: -

$$\frac{\text{RM } 100,000}{\text{RM } 220,000} \times \text{RM } 22,000 = \text{RM } 10,000$$

*Hutang lapuk yang boleh dituntut balik daripada JKDM ialah **RM12,000** (RM22,000 – RM10,000).*

100. Jika pembayaran balik cukai jualan telah dibuat oleh Ketua Pengarah kepada seseorang dan kemudian orang itu menerima pembayaran berkenaan dengan penjualan barang bercukai itu daripada penghutang, cukai jualan tersebut hendaklah dibayar semula oleh orang itu kepada Ketua Pengarah mengikut formula dalam perenggan 99.

Contoh 7:

Pengilang berdaftar telah menerima pembayaran balik hutang lapuk dari Ketua Pengarah berjumlah RM5,000 berhubung dengan jualan barang bercukai pada nilai RM105,000 yang tidak dapat dipungut daripada

penghutang. Empat tahun kemudian, penghutang bebas dari bankrap dan telah membayar hutang sebanyak RM10,000 termasuk 5% cukai jualan kepada pengilang berdaftar untuk menjelaskan hutangnya. Walaupun hanya sebahagian bayaran diterima, pengilang berdaftar hendaklah membayar balik cukai jualan kepada JKDM berdasarkan pengiraan seperti berikut:-

$$\begin{array}{r} \text{RM 10,000} \\ \hline \text{RM 105,000} \end{array} \quad \times \quad \text{RM 5,000} \quad = \quad \text{RM 476.20}$$

*Jumlah cukai jualan yang perlu dibayar kepada JKDM adalah **RM 476.20**.*

101. Mana-mana orang yang membuat pembayaran balik cukai jualan berhubung dengan hutang lapuk kepada Ketua Pengarah, hendaklah: -

- (i) Dalam kes pengilang berdaftar, pembayaran balik cukai jualan kepada Ketua Pengarah hendaklah dibuat dalam Borang SST-02 bagi tempoh bercukai di mana pengilang itu menerima pembayaran cukai jualan daripada penghutang; dan
- (ii) Dalam hal orang yang telah terhenti menjadi pengilang berdaftar, pembayaran balik hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah dalam Borang SST-02 bagi tempoh terakhir dia menjadi orang kena cukai itu.

102. Orang yang menuntut pembayaran balik berhubung dengan hutang lapuk dikehendaki menyimpan semua rekod dan dokumen yang berkaitan dengan tuntutan selama tujuh (7) tahun dari tarikh tuntutan bagi tujuan pemeriksaan oleh pegawai yang hak pada bila-bila masa.

Contoh 8:

Pengilang berdaftar menjual barang bercukai pada 2 September 2018 dan tiada bayaran telah diterima. Penghutangnya telah diisytiharkan bankrap dan pengilang berdaftar menuntut hutang lapuk pada tahun kelima dari tarikh cukai jualan dibayar pada 1 Oktober 2023. Oleh itu, rekod yang berkaitan

dengan tuntutan hutang lapuk akan disimpan untuk tempoh tambahan tujuh (7) tahun hingga 30 September 2030.

103. Pengilang berdaftar yang layak memohon tuntutan pembayaran balik hutang lapuk hendaklah membuat permohonan dalam Borang JKDM No.2 bersama dengan dokumen seperti berikut:

- (i) Salinan invoice;
- (ii) Borang SST-02 dan dokumen-dokumen lain yang menunjukkan cukai jualan telah diakaunkan dan dibayar;
- (iii) Rekod atau dokumen yang menunjukkan pembayaran berkenaan cukai jualan tidak diterima;
- (iv) Rekod atau dokumen yang menunjukkan segala usaha munasabah telah dibuat untuk mendapatkan balik pembayaran berkenaan dengan jualan barang bercukai itu; dan
- (v) Rekod atau dokumen yang menunjukkan hutang lapuk telah dihapus kira dalam akaun orang itu,

dan dikemukakan kepada Cawangan Perakaunan Hasil di zon/ negeri/ stesen mengawal.

104. Ketua Pengarah boleh tidak membenarkan pembayaran balik jika;

- (i) Rekod atau apa-apa dokumen yang dikemukakan adalah tidak benar atau tidak betul; atau
- (ii) Atas apa-apa sebab lain bagi maksud perlindungan hasil.

Pembayaran Cukai Jualan, Surcuj, Penalti, Fi Atau Lain-Lain Wang Terkurang Bayar atau Dibayar Balik Secara Silap

105. Ketua Pengarah hendaklah menuntut mana-mana orang:

- (i) Untuk membayar cukai jualan, surcuj, penalti, fi atau lain-lain wang;

-
- (ii) Untuk membayar cukai jualan, surcaj, penalti, fi atau lain-lain wang yang kurang; atau
 - (iii) Untuk membayar semula bayaran balik yang telah dibuat kepadanya secara silap.

jika keseluruhan atau mana-mana bahagian dari cukai jualan yang kena dibayar, surcaj terakru, penalti, fi atau lain-lain wang yang kena dibayar oleh seseorang atau selepas bayaran dibuat, telah dibayar balik secara silap kepada seseorang.

106. Tuntutan tersebut hendaklah dibuat dalam masa enam (6) tahun dari tarikh:

- (i) Cukai jualan, surcaj, penalti, fi atau lain-lain wang itu telah kena dibayar, atau cukai jualan, surcaj, penalti, fi atau lain-lain wang yang terkurang itu telah dibayar; atau
- (ii) Pembayaran balik itu telah dibuat.

Pembayaran Balik Cukai Jualan, Surcaj, Penalti, Fi Atau Lain-Lain Wang Yang Terlebih Bayar atau Dibayar Secara Silap

107. Menurut seksyen 39 Akta Cukai Jualan 2018, Ketua Pengarah boleh membuat pembayaran balik cukai jualan, surcaj, penalti, fi atau lain-lain wang yang telah terlebih bayar atau dibayar secara silap oleh seseorang selepas berpuas hati bahawa orang itu telah membuktikan tuntutan itu dengan sewajarnya.

108. Tuntutan pembayaran balik hendaklah dibuat kepada Ketua Pengarah dalam masa satu (1) tahun dari masa berlakunya pembayaran terlebih atau pembayaran yang silap itu.

109. Permohonan tuntutan bagi pembayaran balik hendaklah dibuat dalam Borang JKDM No. 2 bersama-sama dengan dokumen sokongan yang berkaitan.

- (i) Surat permohonan yang menjelaskan tentang tuntutan pembayaran balik cukai jualan, surcaj, penalti, fi dan lain-lain wang;
- (ii) Salinan invoice;
- (iii) Salinan surat pengecualian atau peremitan jika berkenaan;

- (iv) Salinan borang kastam No.1 (jika barang import);
- (v) Salinan Borang SST- 02;
- (vi) Penyata tuntutan pembayaran balik; dan
- (vii) Lain-lain dokumen berkaitan.

110. Ketua Pengarah boleh mengurangkan atau tidak membenarkan pembayaran balik berkenaan dengan tuntutan itu jika pembayaran balik itu adalah tidak patut dan akan memperkayakan pihak yang menuntut.

Pulang Balik Cukai Jualan

111. Di bawah seksyen 40 Akta Cukai Jualan 2018, Ketua Pengarah boleh membenarkan pulang balik bagi keseluruhan amaun cukai jualan yang dibayar oleh seseorang berkenaan dengan barang bercukai kecuali petroleum, yang kemudiannya dieksport oleh orang itu dari Malaysia tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Cukai Jualan 2018.

112. Seseorang boleh memohon untuk pulang balik cukai jualan yang dibayar berkenaan dengan barang bercukai selepas pengeksportan barang itu.

113. Secara amnya, pulang balik cukai jualan dibenarkan ke atas barang bercukai, sama ada yang diimport atau dibeli daripada pengilang berdaftar, yang kemudiannya dieksport.

Kelayakan Untuk Pulang Balik

114. Permohonan untuk pulang balik cukai jualan dibenarkan jika:

- (i) Barang bercukai tersebut telah dieksport dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh cukai jualan telah dibayar untuk pengimportan barang bercukai itu atau tarikh invois dikeluarkan bagi pembelian barang bercukai itu;
- (ii) Permohonan itu dibuat dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh barang bercukai itu dieksport dalam Borang JKDM No.2 dan disokong oleh borang dan dokumen yang berkaitan seperti borang kastam No. 1,

salinan borang kastam No. 2, borang kastam No. 9, invoice daripada pengilang berdaftar, invoice jualan kepada pembeli dan dokumen lain yang mengandungi butir-butir cukai jualan dan pengeksportan yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah;

- (iii) Barang bercukai yang cukai jualan telah dibayar dan pulang balik dituntut di bawah seksyen 40 Akta Cukai Jualan 2018 hendaklah dibuatakuan dalam borang kastam No. 2 dan ditentukan dengan memuaskan hati pegawai kanan cukai jualan bahawa barang bercukai tersebut telah dieksport;
- (iv) Pembayaran pulang balik ke atas barang bercukai yang hendak dieksport tidak dilarang oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Kastam 1967;
- (v) Barang bercukai itu telah tidak digunakan selepas pengimportan atau selepas pembayaran cukai jualan; dan
- (vi) Tiap-tiap orang yang menuntut pulang balik hendaklah membuatakuan bahawa barang bercukai itu tidak akan didaratkan semula atau diturunkan dan tidak diniatkan untuk didaratkan atau diturunkan pada mana-mana tempat dalam Malaysia.

115. Pulang balik tidak dibenarkan ke atas petroleum.

116. Permohonan pulang balik dikehendaki dibuat dalam Borang JKDM No. 2 dan mengemukakan dokumen seperti berikut:

- (i) Borang kastam No.1 atau borang kastam No.9;
- (ii) Invoice belian daripada pengilang berdaftar;
- (iii) Invoice jualan kepada pembeli;
- (iv) Salinan borang kastam No. 2;
- (v) *Air waybill*, *sea waybill*, manifes atau bil muatan

-
- (vi) Lain-lain dokumen yang mengandungi butir-butir cukai jualan dan pengeksportan.

117. Permohonan pulang balik hendaklah dikemukakan kepada Cawangan Perakaunan Hasil di zon/ negeri/ stesen mengawal.

Peremitan oleh Menteri Kewangan

118. Menteri Kewangan boleh meremit keseluruhan atau mana-mana bahagian cukai jualan yang genap masa dan kena dibayar oleh mana-mana orang, yang difikirkan patut olehnya.

119. Permohonan untuk peremitan itu boleh dibuat secara bertulis kepada Menteri Kewangan. Tidak ada borang khusus yang perlu diisi tetapi permohonan itu perlu disertakan dengan semua butiran yang berkaitan.

Peremitan oleh Ketua Pengarah

120. Ketua Pengarah boleh meremit keseluruhan atau mana-mana bahagian surcaj terakru, penalti, fi atau lain-lain wang yang kena dibayar oleh mana-mana orang yang difikirkannya patut. Permohonan itu boleh dibuat secara bertulis kepada Ketua Pengarah dengan bukti dan dokumen sokongan untuk menyokong permohonan itu.

121. Mana-mana orang yang berhasrat untuk memohon remisi atas cukai jualan, surcaj, penalti, fi dan lain-lain wang yang perlu dibayar hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berikut:

- (i) Surat rayuan;
- (ii) Laporan akaun diaudit (jika berkenaan);
- (iii) Laporan polis (seperti kecurian/ kebakaran/ bencana alam/ dsb.);
- (iv) Laporan kebakaran (jika berlaku kebakaran);
- (v) Salinan polisi insurans (jika berkenaan); dan
- (vi) Dokumen berkaitan lain (jika berkenaan).

Pembayaran balik oleh Menteri Kewangan dan Ketua Pengarah

122. Menteri Kewangan dan Ketua Pengarah tertakluk kepada syarat-syarat dalam suatu kes tertentu boleh mengarahkan pembayaran balik cukai jualan, surcuj, penalty, fi atau lain-lain wang yang berkaitan dengan peremitan yang diluluskan kepada seseorang itu.

KETETAPAN CUKAI JUALAN

Ketetapan Umum

123. Ketetapan umum adalah keputusan yang dibuat oleh Ketua Pengarah dan dikeluarkan kepada orang ramai untuk memberikan panduan mengenai tafsiran dan pemakaian mana-mana peruntukan Akta Cukai Jualan 2018. Matlamatnya adalah untuk menyediakan penjelasan dan ketelusan dalam pemakaian undang-undang cukai jualan.

124. Ketetapan umum yang dikeluarkan boleh digunakan untuk mana-mana orang atau golongan orang, atau apa-apa jenis aktiviti perniagaan. Jika sesuatu keputusan telah dikeluarkan kepada orang awam, Ketua Pengarah boleh menarik balik ketetapan umum yang dibuat, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya.

125. Ketetapan kastam adalah suatu ketetapan yang dibuat oleh Ketua Pengarah atas permohonan oleh mana-mana orang untuk mendapatkan ketetapan mengenai pemakaian peruntukan Akta Cukai Jualan 2018 dan pengaturan yang mana ketetapan kastam itu dimohon. Pengeluaran ketetapan kastam bertujuan untuk menjelaskan dan kepastian layanan cukai dan konsistensi dalam pemakaian undang-undang Cukai Jualan. Ini akan membantu memastikan pematuhan dan meminimumkan pertikaian.

126. Mana-mana orang boleh memohon kepada Ketua Pengarah bagi ketetapan kastam di bawah seksyen 43 Akta Cukai Jualan 2018 berkenaan perkara yang berikut:

- (i) Klasifikasi barang bercukai;
- (ii) Penentuan orang kena cukai;
- (iii) Prinsip-prinsip yang boleh diguna pakai untuk tujuan penentuan nilai jualan barang bercukai; atau
- (iv) Perkara-perkara lain yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

127. Permohonan ketetapan kastam hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan bersama dengan fi yang ditetapkan kepada Ketua Pengarah.

128. Apabila suatu permohonan untuk ketetapan kastam diterima, Ketua Pengarah hendaklah membuat suatu ketetapan kastam, tertakluk kepada syarat-syarat yang difikirkannya patut, berkenaan dengan perkara-perkara yang dinyatakan dalam permohonan berkenaan dan ketetapan kastam itu hendaklah mengikat pemohon. Suatu ketetapan kastam berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam ketetapan itu.

129. Ketua Pengarah boleh menolak untuk membuat ketetapan kastam jika:-

- (i) Maklumat yang diberikan oleh pemohon adalah tidak mencukupi untuk berbuat demikian;
- (ii) Permohonan itu adalah untuk situasi andaian; atau
- (iii) Sebarang rayuan yang belum selesai di bawah seksyen 96 Akta Cukai Jualan 2018 melibatkan perkara yang disebut dalam permohonan.

130. Suatu ketetapan kastam boleh dipinda, diubah suai atau dibatalkan oleh Ketua Pengarah jika:-

- (i) Ketetapan kastam itu mengandungi kesilapan yang perlu diperbetulkan;
- (ii) Ketetapan kastam itu adalah berdasarkan suatu kesilapan fakta atau undang-undang;
- (iii) Terdapat perubahan undang-undang yang berkaitan dengan cukai jualan; atau

-
- (iv) Terdapat perubahan fakta penting atau hal keadaan yang menjadi asas kepada ketetapan kastam itu.

131. Ketua Pengarah boleh mengisytiharkan suatu ketetapan kastam yang dibuat adalah terbatal, tidak sah dan tidak mempunyai kesan, melalui suatu notis, jika pemohon didapati melakukan fraud, salah nyata atau pemalsuan fakta dalam mendapatkan ketetapan itu.

132. Jika pemohon menerima dua atau lebih ketetapan kastam yang berbeza mengenai perkara yang sama, ketetapan-ketetapan itu hendaklah dianggap sebagai terbatal dan tidak sah, dan pemohon itu hendaklah dengan segera memberitahu Ketua Pengarah. Ketua Pengarah hendaklah membuat suatu ketetapan kastam yang baharu dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh pemberitahuan itu.

133. Ketua Pengarah hendaklah memberi notis secara bertulis kepada pemohon selepas membuat pindaan, pengubahsuaian atau pembatalan sesuatu ketetapan kastam. Ketetapan kastam yang dipinda, diubahsuai atau dibatalkan itu hendaklah berkuatkuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.

PERUNTUKAN KHAS YANG BERHUBUNGAN KAWASAN DITETAPKAN

Tafsiran

134. Di bawah Bahagian VIII Akta Cukai Jualan 2018, tafsiran Malaysia dan Kawasan Ditetapkan adalah seperti berikut:

- (i) 'Malaysia' tidak termasuk Kawasan Ditetapkan dan Kawasan Khas;
- (ii) 'Kawasan Ditetapkan' bermaksud Labuan, Langkawi, dan Tioman;
- (iii) 'Langkawi' bermaksud Pulau Langkawi dan semua pulau yang berdampingan dengannya yang terletak lebih hampir dengan Pulau Langkawi daripada tanah besar.
- (iv) 'Labuan' bermaksud Pulau Labuan dan pulau tanggungannya, iaitu Rusukan Besar, Rusukan Kecil, Keraman, Burong, Papan dan Daat.

-
- (v) 'Tioman' bermaksud Pulau Tioman dan pulau-pulau Soyak, Rengis, Tumok, Tulai, Chebeh, Labas, Sepoi dan Jahat.

135. Akta Cukai Jualan 2018 tidak terpakai bagi apa-apa barang bercukai yang dikilangkan di Kawasan Ditetapkan selain petroleum. Barang bercukai yang dikilangkan dan dijual, digunakan atau dilupuskan atau diangkut ke dalam Kawasan Ditetapkan selain petroleum tidak tertakluk kepada cukai jualan.

136. Mana-mana barang bercukai yang diimport ke Kawasan Ditetapkan dari luar Malaysia atau dihantar ke Kawasan Ditetapkan dari Malaysia tidak tertakluk kepada cukai jualan melainkan yang telah ditetapkan dalam Perintah Cukai Jualan (Penaan Cukai Jualan Berkenaan Dengan Kawasan Ditetapkan) 2018.

137. Perintah tersebut menyatakan bahawa cukai jualan hendaklah dikenakan dan dilevikan pada kadar yang ditetapkan di bawah seksyen 10(2) Akta Cukai Jualan 2018 ke atas pengimportan:

- (i) Wain, spirit, bir, minuman keras malta, tembakau dan produk tembakau ke dalam Kawasan Ditetapkan;
- (ii) Marmar dan ikan bilis ke dalam Langkawi; dan
- (iii) Kenderaan bermotor ke dalam Tioman.

138. Barang bercukai yang diangkut di antara Kawasan Ditetapkan adalah tidak tertakluk kepada cukai jualan.

139. Barang bercukai yang diangkut dari Kawasan Ditetapkan ke Malaysia dianggap sebagai barang import ke dalam Malaysia. Cukai jualan hendaklah dibayar ke atas barang bercukai tersebut pada masa pengimportan ke Malaysia. Nilai jualan barang bercukai yang dikenakan cukai jualan hendaklah ditentukan mengikut perenggan 8 di atas.

140. Barang bercukai yang dibawa dari Malaysia ke Kawasan Ditetapkan dianggap seolah-olah barang-barang tersebut telah dieksport dari Malaysia atau ke tempat di luar Malaysia.

141. Barang bercukai dari Kawasan Ditetapkan ke Kawasan Khas tidak tertakluk kepada cukai jualan.

Permohonan Pulang Balik

142. Menurut seksyen 54 Akta Cukai Jualan 2018, pulang balik di bawah seksyen 40 hendaklah terpakai bagi barang bercukai, selain daripada apa-apa barang yang diisytiharkan oleh Menteri untuk dikenakan cukai apabila diimport ke Kawasan Ditetapkan, diangkut dari Malaysia ke Kawasan Ditetapkan, seolah-olah barang tersebut telah dieksport atau dieksport semula, mengikut mana-mana yang berkenaan.

PERUNTUKAN KHAS YANG BERHUBUNGAN KAWASAN KHAS

Tafsiran

143. Di bawah Bahagian IX Akta Cukai Jualan 2018, tafsiran Malaysia dan Kawasan Khas adalah seperti berikut:

- (i) 'Malaysia' tidak termasuk Kawasan Ditetapkan dan Kawasan Khas.
- (ii) 'Kawasan Khas' bermaksud sebarang zon bebas, gudang berlesen, gudang pengilangan berlesen dan Kawasan Pembangunan Bersama.

144. Akta Cukai Jualan 2018 tidak terpakai bagi apa-apa barang bercukai yang dikilangkan di Kawasan Khas.

145. Barang bercukai yang dikilangkan dan dijual, digunakan atau dilupuskan atau diangkut ke dalam Kawasan Khas tidak tertakluk kepada cukai jualan.

146. Tiada cukai jualan boleh dikenakan dan kena dibayar ke atas apa-apa barang bercukai yang diimport ke dalam Kawasan Khas atau diangkut ke Kawasan Khas dari Malaysia melainkan yang telah ditetapkan dalam Perintah Cukai Jualan (Penaan Cukai Jualan Berkenaan Dengan Kawasan Khas) 2018.

147. Perintah tersebut menyatakan bahawa cukai jualan hendaklah dikenakan dan dilevikan pada kadar yang ditetapkan di bawah seksyen 10(2) Akta Cukai Jualan

2018 ke atas barang-barang berikut:

- (i) Pengimportan barang-barang tertentu yang diimport dan untuk digunakan atau diguna pakai di dalam suatu zon bebas di bawah seksyen 2 Akta Zon Bebas 1990. Barang-barang tersebut adalah seperti berikut:
 - (a) Trak angkat susun
 - (b) Kren
 - (c) Peralatan atau perabot pejabat
 - (d) Peralatan pemadaman kebakaran dan pengawalan pencemaran
 - (e) Kenderaan bermotor dan alat ganti
 - (f) Petroleum dan produk petroleum
 - (g) Tayar
 - (h) Bahan letupan dan bahan kimia
 - (i) Peralatan hawa dingin
 - (j) Semua barang yang tidak digunakan secara langsung
 - i. dalam aktiviti yang diluluskan di bawah Jadual Pertama dan Kedua Akta Zon Bebas 1990;
 - ii. bagi tujuan menggudang barang di bawah seksyen 65 Akta Kastam 1967; atau
 - iii. dalam pengilangan barang di gudang pengilangan berlesen di bawah seksyen 65A Akta Kastam 1967.
- (ii) Pengimportan wain, spirit, bir, minuman keras malta, tembakau dan hasil tembakau ke dalam Kawasan Bebas Cukai Tasik Kenyir.

148. Barang bercukai yang diangkut di antara Kawasan Khas tidak dikenakan cukai

jualan.

149. Barang bercukai yang diangkut dari Kawasan Khas ke Malaysia adalah dianggap sebagai barang-barang tersebut diimport ke dalam Malaysia. Cukai jualan hendaklah dibayar ke atas barang bercukai tersebut apabila diimport ke dalam Malaysia. Nilai jualan barang bercukai yang dikenakan cukai jualan hendaklah ditentukan mengikut perenggan 8 di atas.

150. Barang bercukai yang diangkut dari Malaysia ke Kawasan Khas dianggap seolah-olah barang-barang tersebut telah dieksport dari Malaysia atau ke tempat di luar Malaysia.

151. Barang bercukai yang diangkut dari Kawasan Khas ke Kawasan Ditetapkan tidak tertakluk kepada cukai jualan.

Permohonan Pulang Balik

152. Menurut seksyen 61 Akta Cukai Jualan 2018, pulang balik di bawah seksyen 40 hendaklah terpakai bagi barang bercukai, selain daripada apa-apa barang yang diisytiharkan oleh Menteri untuk dikenakan cukai apabila diimport ke Kawasan Khas, diangkut dari Malaysia ke Kawasan Khas, seolah-olah barang tersebut telah dieksport atau dieksport semula, mengikut mana-mana yang berkenaan.

KAJIAN SEMULA DAN RAYUAN

153. Mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat boleh memohon kepada Ketua Pengarah untuk mengkaji semula keputusan itu dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh pemberitahuan keputusan itu, dengan syarat bahawa tiada rayuan telah dibuat ke atas keputusan yang sama kepada Tribunal Rayuan Kastam. Ketua Pengarah hendaklah membuat kajian semula dalam tempoh enam puluh (60) hari atau dalam masa yang dapat dilaksanakan dan memberitahu keputusan kajian semula kepada orang itu.

154. Permohonan untuk kajian semula di bawah seksyen 96 Akta Cukai Jualan 2018 hendaklah dibuat dalam Borang SST-03.

155. Jika mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan keputusan Ketua Pengarah (termasuk keputusan selepas kajian semula), kecuali perkara yang berhubungan dengan kompaun, dia boleh membuat rayuan kepada Tribunal Rayuan Kastam secara bertulis dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh pemberitahuan keputusan itu. Rayuan perlu dibuat dalam borang yang ditetapkan bersama dengan fi yang ditetapkan.

156. Mana-mana cukai jualan yang genap masa dan kena dibayar hendaklah dibayar walaupun apa-apa kajian semula atau rayuan telah dibuat.

PERATURAN PERALIHAN

Pemansuhan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) 2014

157. Berkuatkuasa 1 September 2018, Akta CBP 2014 dimansuhkan. Impak ke atas CBP dan cukai jualan dari 1 September 2018 adalah:

- (i) CBP tidak lagi boleh dikenakan ke atas mana-mana pembekalan barang yang dibuat di Malaysia termasuk bekalan yang dianggap di bawah Akta CBP 2014 dan sebarang pengimportan ke Malaysia;
- (ii) Penjualan barang-barang bercukai akan dikenakan cukai jualan;
- (iii) Lanjutan liabiliti dan sebagainya.
 - (a) Apa-apa liabiliti yang ditanggung boleh dikuatkuasakan;
 - (b) CBP yang belum bayar, terlebih bayar atau tersalah bayar boleh dikutip, dikembalikan atau diremit,
 - (c) Seksyen 178, 181 dan 191 Akta CBP 2014 masih kekal selepas 1 September 2018.

Pendaftaran Semasa Tempoh Peralihan

158. Pengilang yang mengilang barang bercukai sebelum 1 September 2018 dan telah melebihi nilai ambang pada 1 September 2018 hendaklah memohon untuk

pendaftaran dalam tempoh 30 hari dari tarikh 1 September 2018. Ketua Pengarah hendaklah mendaftarkan pengilang tersebut berkuat kuasa dari hari pertama bulan selepas bulan di mana permohonan itu dibuat dan pengilang hendaklah mengenakan cukai jualan berkuat kuasa dari tarikh tersebut. Pendaftarannya akan bermula pada 1 Oktober 2018.

159. Pengilang yang mengilang barang sebelum 1 September 2018 tetapi barang ini akan menjadi barang bercukai pada 1 September 2018 dan telah memohon untuk pendaftaran sebelum 1 September 2018. Ketua Pengarah akan mendaftarkan pengilang jika jumlah nilai jualan barang bercukai melebihi nilai ambang menggunakan kaedah kedepan (pada bulan tarikh kuatkuasa dan sebelas bulan selepas bulan tersebut), pada 1 September 2018 dan pengilang berdaftar hendaklah mengenakan cukai jualan ke atas barang bercukai yang dijual, digunakan atau dilupuskan berkuat kuasa dari tarikh tersebut.

160. Pengilang yang didaftarkan di bawah CBP sebelum 1 September 2018 yang mengilang barang bercukai pada 1 September 2018 adalah dianggap telah didaftarkan di bawah Akta Cukai Jualan 2018 jika jumlah nilai jualan barang bercukai melebihi nilai ambang menggunakan kaedah kedepan (pada bulan tarikh kuatkuasa dan sebelas bulan selepas bulan tersebut), dan hendaklah mengenakan cukai jualan pada 1 September 2018.

Pendaftaran Automatik

161. Pengilang yang merupakan orang berdaftar CBP yang telah dikenalpasti dan memenuhi kriteria pendaftaran yang diperlukan akan didaftarkan secara automatik sebagai pengilang berdaftar di bawah Akta Cukai Jualan 2018 berkuat kuasa mulai 1 September 2018. Pengilang berdaftar perlu mengenakan cukai jualan bermula 1 September 2018.

162. Sila rujuk panduan Pendaftaran Online SST untuk pendaftaran dalam portal MySST.

Mengemukakan Penyata/ Pengisytiharan Untuk Tempoh Bercukai Yang Terakhir, Pembayaran CBP, Tuntutan Cukai Input Dan Bayaran Balik

163. Tempoh bercukai bagi seseorang yang berdaftar CBP yang bermula sebelum 1 September 2018 dan berakhir selepas 1 September 2018 hendaklah dianggap berakhir pada 1 September 2018.

164. Pengemukaan Penyata GST-03 di bawah seksyen 40 Akta CBP 2014 yang dimansuhkan untuk tempoh bercukai terakhir akan diberikan dan bayaran CBP yang sepatutnya akan dibuat tidak lewat dari 120 hari pada 1 September 2018 iaitu sebelum atau pada 29 Disember 2018.

165. Apa-apa perisytiharan di bawah seksyen 42(1) Akta CBP 2014 yang dimansuhkan hendaklah dibuat dan dikemukakan dengan pembayaran CBP yang dibuat tidak lewat daripada 30 hari dari 1 September 2018 iaitu sebelum atau pada 30 September 2018.

166. Apa-apa tuntutan cukai input di bawah Akta CBP 2014 yang dimansuhkan yang belum dituntut sebelum 1 September 2018 boleh dituntut dalam penyata GST-03 dan tuntutan itu adalah dianggap sebagai tuntutan akhir bagi semua cukai input.

167. Apa-apa bayaran balik yang tertakluk kepada pengesahan, audit atau penyiasatan yang berkaitan dengan apa-apa cukai input yang belum dibuat oleh Ketua Pengarah pada 1 September 2018, atau apa-apa tuntutan cukai input yang dibuat di bawah perenggan 166, bayaran balik itu hendaklah dibayar oleh Ketua Pengarah dalam tempoh enam (6) tahun dari 1 September 2018.

Semakan Dan Rayuan Yang Belum Selesai

168. Ketua Pengarah boleh membuat keputusan mengenai permohonan semakan yang belum selesai yang dibuat sebelum 1 September 2018, pada atau selepas 1 September 2018;

169. Keputusan kajian yang dibuat oleh Ketua Pengarah sebelum atau selepas 1 September 2018, boleh dirayu kepada Tribunal Rayuan CBP dan boleh merayu kepada Tribunal Rayuan Kastam, dengan syarat rayuan itu dibuat dalam tempoh tiga

puluh (30) hari dari tarikh keputusan itu dimaklumkan kepada orang yang tidak berpuas hati itu oleh Ketua Pengarah;

170. Tribunal Rayuan CBP boleh terus didengar dan diputuskan bagi sebarang rayuan yang belum selesai sebelum 1 September 2018, pada atau selepas 1 September 2018.

Ejen Cukai CBP

171. Ejen cukai CBP yang berdaftar di bawah seksyen 170 Akta CBP 2014 yang dimansuhkan dibenarkan untuk mewakili orang berdaftar CBP sehingga tamat tempoh lesennya dan tidak dibenarkan mewakili orang kena cukai berkaitan cukai jualan.

Invois

172. Pengilang berdaftar boleh terus mengeluarkan invois yang telah dicetak semasa pelaksanaan CBP sebagai invois yang diperlukan untuk dikeluarkan di bawah seksyen 21 Akta Cukai Jualan 2018 sehingga invois tersebut dilupuskan atau dalam tempoh tiga (3) bulan dari 1 September 2018, mana-mana yang lebih awal.

PERTANYAAN

Sebarang panduan berkaitan panduan ini sila berhubung:

Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Aras 3 - 7, Blok A, Menara Tulus,

No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3,

62100 Putrajaya.

BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST

Informasi selanjutnya boleh didapati di :

(i) Laman Web SST : <https://mysst.customs.gov.my>

(ii) Pusat Panggilan Kastam

- Tel : 03-7806 7200 / 1-300-888-500
- Fax : 03-7806 7599
- Email: ccc@customs.gov.my